AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

*Pemulihan COVID-19*

# 4 kes babit rakyat Malaysia

## Dua dikesan di Sarawak, satu di Melaka dan Johor

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sebanyak 16 kes baharu dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 8,572 dengan kes aktif dan kebolehjangkitan COVID-19 berjumlah 295 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tiga daripada 16 kes baharu itu adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara membabitkan dua warganegara Malaysia dan seorang pemastautin tetap.

Beliau berkata, bagi kes penularan dalam negara pula, terdapat 13 kes dilaporkan dan sembilan daripadanya adalah bukan warganegara, manakala empat kes membabitkan rakyat Malaysia.

Memperincikan perkara itu, Dr Noor Hisham berkata, sembilan kes jangkitan dalam negara iaitu bukan warganegara adalah dua kes di Selangor iaitu kontak rapat kepada kes positif COVID-19 bagi kes ke 8,513 dari kluster syarikat pembersihan.

"Enam lagi kes dikesan di Negeri Sembilan dari kluster Pedas dan satu kes dikesan ketika saringan tahanan di Pusat Tahanan Sementara Tawau sebelum penghantaran pulang ke Indonesia," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, bagi empat kes penularan dalam negara membabitkan warganegara Malaysia pula, Dr Noor Hisham berkata, dua kes dikesan di Sarawak iaitu kontak rapat kepada kes positif COVID-19 bagi kes 8,535 dari kluster Kidurong.

"Masing-masing satu kes dikesan di Melaka dan Johor iaitu ketika saringan Orang Kena Tuduh (OKT) yang baru dimasukkan ke lokap dan saringan prapembedahan di hospital.

"Sehingga kini, tiga kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tiada kes memerlukan bantuan pernafasan. Bagi kes pulih pula, terdapat 10 kes dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih di negara ini sebanyak 8,156 atau 95.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Tiada pertambahan kes kematian disebabkan COVID-19 dan jumlahnya kekal 121 kes atau 1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Berhubung berita palsu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya mendapati kesedaran masyarakat mengenai perkara itu semakin meningkat apabila lebih tiga minggu tiada pertambahan kertas siasatan baharu dibuka Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

BHTV



*Bagi kes penularan dalam negara pula, terdapat 13 kes dan sembilan daripadanya bukan warganegara, manakala empat kes babitkan rakyat Malaysia.*

***Dr Noor Hisham Abdullah,*** *Ketua Pengarah Kesihatan*




# Perkahwinan bukan Islam dibenar di rumah ibadat

**Kuala Lumpur:** Kerajaan membenarkan upacara perkahwinan bagi penganut bukan Islam dilaksanakan di rumah ibadat dan persatuan agama bukan Islam, namun penganjuran majlis resepsi perkahwinan masih dilarang.

Kebenaran itu bagi urusan perkahwinan di bawah Penolong Pendaftar Perkahwinan yang dilantik mengikut Seksyen 28, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Akta 164).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menerusi satu kenyataan semalam, berkata upacara itu bagaimanapun tidak boleh dihadiri lebih 20 orang termasuk penolong pendaftar perkahwinan.

"Ia mesti tertakluk ke pada kapasiti rumah ibadat atau persatuan agama bukan Islam, selain penjarakan sosial, mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya.

Sementara itu, katanya, seramai 526 rakyat Malaysia yang pulang ke tanah air sedang menjalani proses kuarantin wajib di kediaman masing-masing, manakala dua daripada mereka dibawa ke hospital.

Katanya, mereka yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), pulang dari Singapura, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Indonesia, Australia, Jepun, Vietnam, India, Belanda dan Korea Selatan.

"Dari 10 hingga 19 Jun, KKM membuat saringan ke atas 7,182 individu di seluruh pintu masuk negara dengan 7,158 individu didapati negatif COVID-19 dan sedang menjalani proses kuarantin wajib di kediaman masing-masing.

"Seramai 24 individu lagi didapati positif dan dihantar ke hospital untuk rawatan," katanya.

BHTV

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, 49 operasi sanitasi dijalankan kelmarin, meliputi 34 zon di sembilan negeri dan sejak 30 Mac lalu, sebanyak 8,752 operasi dilaksanakan di 143 zon.

Sepanjang operasi kelmarin, katanya, sebanyak 12,335 premis disanitasi, iaitu 2,673 pusat perniagaan, bangunan kerajaan (5,221), kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (1,588), tempat awam (2,449) dan pasar raya (354).

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL



# 16 kes baharu Covid-19 dilapor semalam

**Kuala Lumpur:** Jangkitan baharu Covid-19 dalam negara merekodkan 16 kes semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan wabak itu 8,572 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 13 kes baharu yang dilaporkan berkaitan penularan tempatan manakala tiga kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

Beliau berkata, sembilan daripada keseluruhan kes penularan tempatan itu membabitkan bukan warga Malaysia dan empat kes di kalangan warga Malaysia.

"Kes jangkitan dalam kalangan bukan warga Malaysia daripada kluster syarikat pembersihan di Selangor membabitkan dua kontak rapat kes positif Covid-19 (kes ke-8,513).

"Enam kes daripada kluster Pedas dan satu kes daripada saringan tahanan di Pusat Tahanan Sementara Tawau sebelum penghantaran pulang ke Indonesia," katanya, semalam.

Berhubung kes jangkitan warga Malaysia, Dr Noor Hisham berkata, dua kes daripada kluster Kidurong iaitu kontak rapat kes ke-8,535.

Katanya, satu kes daripada saringan orang kena tuduh (OKT) yang baharu dimasukkan ke lokap di Melaka dan satu kes saringan pra-pembedahan di hospital di Johor.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



#JanganPutusAsa #Malaysia Sinar

MEMERANGI WABAK COVID-19

# 16 kes baharu, tiada kematian

Menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan sebanyak 8,572 kes setakat ini

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Sebanyak 16 kes baharu positif koronavirus (Covid-19) dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes meningkat kepada 8,572 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, tiga kes membabitkan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara dan selebihnya melibatkan penularan tempatan.

Menurutnya, daripada 13 kes penularan di dalam negara, sembilan kes adalah bukan warganegara manakala hanya empat kes adalah dalam kalangan warganegara Malaysia.

"Bagi kes jangkitan dalam negara melibatkan warga asing, dua kes adalah kontak rapat kepada kes positif Covid-19 (kes ke-8513) di mana kesemua mereka adalah daripada kluster syarikat pembersihan, enam kes daripada kluster Pedas dan satu kes daripada saringan tahanan di Pusat Tahanan Sementara Tawau sebelum penghantaran pulang ke Indonesia.

"Jangkitan dalam negara yang melibatkan rakyat tempatan pula adalah dua kes merupakan daripada kluster Kidurong dan masing-masing satu kes melibatkan saringan orang kena tuduh (OKT) yang baru dimasukkan ke lokap di Melaka dan saringan pra-pembedahan di hospital di Johor," katanya dalam satu kenyataan semalam.



NOOR HISHAM

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, terdapat 10 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah 8,156 kes.

Katanya, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 semalam menurun kepada 295 kes.

"Adalah dimaklumkan bahawa tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan hari ini (semalam) menjadikan jumlah keseluruhan kematian kekal 121 orang," katanya.

Dalam pada itu Dr Noor Hisham berkata, Statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan bahawa tiada pertambahan kertas siasatan baharu berita palsu berkaitan Covid-19 yang dibuka oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam tempoh lebih tiga minggu lepas.

"Perkembangan positif itu turut menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat untuk tidak berkongsi berita palsu meningkat.

"Orang ramai diingatkan supaya berhati-hati sebelum menyebarkan sebarang kandungan yang diragui kesahihannya dan boleh menyalurkan maklumat kepada Pasukan Respon Pantas (PRP) di talian 03-89115103 atau layari *www.sebenarnya.my* untuk menyemak kesahihan berita.

"Setakat 20 Jun 2020, jumlah layaran portal ini telah mencecah 137.6 juta," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham turut memaklumkan bahawa capaian laman web Covid-19 adalah kira-kira 60,000 pengguna dan kini ia berada di tempat pertama dalam enjin carian Google.

"Bagi mendapatkan maklumat lanjut dan terkini mengenai perkembangan Covid-19 di Malaysia, bolehlah melayari laman web Covid-19 iaitu *http://covid-19.moh.gov.my/*.

"Laman web ini telah mula beroperasi pada 5 Mei 2020 dan hebahan mengenainya telah diuar-uarkan melalui Portal Rasmi KKM dan kemudiannya telah diperluaskan melalui media sosial KKM iaitu Facebook KKM, Telegram, Instagram dan Twitter.

"Maklumat lanjut mengenai kejadian Covid-19 di Malaysia boleh juga didapati melalui saluran Telegram Kesihatan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) KKM dan juga laman web Bahagian Pendidikan Kesihatan KKM," katanya.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS**



## KUALA LUMPUR CITY HALL'S S.O.P. FOR PASAR MALAM

**General SOP**
- Traders must display their business licence prominently.
- Licence holders must be at trading site. They cannot transfer or re-sell the lots.
- Foreigners are not allowed to operate or work at lots.
- Traders can have a maximum of two Malaysian assistants for each stall.
- Traders and their assistants must keep typhoid-shot certification.
- Traders must abide by operation hours determined by City Hall.
- Traders can trade only within the space approved by City Hall.

**Venue SOP**
- Held within an open or gated space.
- Sufficient parking space.
- Perimeter can be controlled through a one-way and a separate exit system.
- 2.5m social distancing guideline.
- Lot sizes must be between 2.5m x 2.5m while stalls are to be 1.8m x 1.2m.

**Structures**
- Canopied.
- Stainless steel stalls.
- Uniform structures.
- No permanent structures allowed.

**Crowd control**
- Security, traffic and cleanliness are controlled by City Hall, with the People's Volunteer Corp's aid, if required.
- Manned entrances and exits.
- All visitors must be scanned. Those with readings above 37.5° Celsius are barred from entering. The use of face masks and hand sanitiser is highly encouraged.
- Written registration or with the MySejahtera app.
- Visitors must not be patients under surveillance, investigation or under quarantine.
- Those with cough and cold have to use face masks.
- Only two visitors per family are allowed. Those under 13 are not allowed.
- Each visitor can spend only 30 minutes at the site.
- Queue has to follow 1m social distancing guideline.
- Cashless trade is encouraged.
- Only takeaways are allowed.
- Operation hours are from 4pm to 10pm.

**Traders and assistants**
- They are encouraged to use face masks or face shields.
- They must use gloves and disposable aprons.
- Those with symptoms are disallowed from doing business on the trading day. If their temperature reading is above 37.5° Celsius, they are banned from trading on the day.
- They cannot be patients under surveillance, investigation or quarantine.
- Only three persons are allowed on site (licence holders and a maximum of two assistants, who must be Malaysians aged 18 and above)
- They must download and register with the MySejahtera app.
- They must follow 1m social distancing among traders.
- They must encourage visitors to wear face masks.
- They must maintain cleanliness.

**Enforcement**
- Compounds will be issued, goods will be seized and there'll be an immediate closure if the SOP is breached from now to Aug 31 when the Recovery Movement Control Order ends.

INFOGRAPHIC NST

to 3,000.

"We are hoping that the approvals come next week, so we can resume trading as early as the first week of July," he said.

Charles, who is also Pertubuhan Pengurusan Pasar Malam Kuala Lumpur secretary, said traders, after months of inactivity, had grown desperate.

Some, he said, had sought help from the association to buy food while others didn't have funds to buy stock if trading were to resume.

He said since 40 per cent of pasar malam traders were aged 60 and above, a majority of the demographic had nowhere to turn to but the government.

The government, he said, should look into expanding its one-off RM500 aid under the economic stimulus package's Cakna Initiative.

"This should be increased to at least RM1,000. And instead of a one-off payment, it should take into account the traders' months of inactivity.

"If the government cares about the welfare of petty traders, it should also look into giving elderly traders and those in the high-risk group a stipend to stay home."

Failure to do this, he said, could see night markets in Kuala Lumpur go extinct.

"Pasar malam are not just for traders but for all Malaysians. They provide a place for the low-income group to trade and buy food. It is part of Kuala Lumpur's cultural heritage and tradition."



*Some of the proposals from Persatuan Pasar Malam Bergerak traders on what the 'Bangkok-style' market stalls should look like.* PIC COURTESY OF ROY JAMES CHARLES

Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa had last week said the Cakna Initiative was a one-off aid, and that traders who were interested in trading from home using gig economy platforms would enjoy benefits under the Penjana economic stimulus package.

He, however, said the ministry was open to a dialogue with traders on the standard operating procedures (SOPs) to find a win-win outcome.

The *New Straits Times* had reported that 80 per cent of the 190 night markets here would not operate during the Recovery MCO as the SOPs were deemed too restrictive.

Seri Petaling Pasar Malam Association chairman Frankie Cheah concurred that there was an urgent need to get business restarted, even though only 15 per cent of its 1,060 traders would be trading as a result of the regulation on social distancing.

"More than 30 per cent of our traders are aged between 60 and 75 and have been here since the 1980s. We have advised them to stay at home.

"But more than 50 per cent of them are between 45 and 59. These are people with families to feed and older kids to send to school and university. So business needs to go on," said Cheah, adding that the association's traders would adhere to the SOPs.

Taman Tun Dr Ismail Pasar Malam Association chairman Abd Hadi Mustafa described the SOPs as "too restrictive".

He urged the authorities to review the regulation on social distancing as it would see more than half of its 220 traders without lots.

He said traders, facing hardship, were unwilling to give up their lots.

"I hope City Hall can come up with a win-win solution so that we can start trading next month.

"Even restaurants are allowed to operate at full capacity with children allowed to dine in, but our distancing guidelines are too restrictive."

Hadi urged the authorities to place City Hall enforcement officers on site to control the crowd as well as foot the bill for People's Volunteer Corps officers to be stationed at the venues, on top of the venue clean-up costs.

The association's members, he said, could no longer afford these costs as only around 100 traders would be allowed to operate at the venue under the new SOPs.

City Hall yesterday announced that the Seri Petaling night market was awaiting approval to operate.

Those given the go-ahead are Kepong's Lang Emas night market, Taman Bukit Gembira, Taman Melati and Pasar Malam Kampung Sri Batu, which will operate in a community centre there.

*Page 1 pic: A bird's eye view of a night market in Bangkok.*

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION



## Covid-19: Current situation globally

*(As of 7pm June 21, 2020)*

| Malaysia | New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|---|
| | 16 | 8,572 | 121 | 8,156 |

| Asean+ | China | Indonesia | Singapore | Philippines | Japan | S. Korea | Thailand | Vietnam | Myanmar | Brunei | Cambodia | Laos |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 83,352 | 45,891 | 42,095 | 29,400 | 17,799 | 12,421 | 3,148 | 349 | 287 | 141 | 129 | 19 |
| Deaths | 4,634 | 2,465 | 26 | 1,150 | 952 | 280 | 58 | 0 | 6 | 3 | 0 | 0 |
| Recovered | 78,413 | 17,404 | 34,224 | 7,650 | 16,077 | 10,868 | 3,018 | 327 | 196 | 138 | 127 | 19 |

| Global Top 10 | US | Brazil | Russia | India | UK | Spain | Peru | Italy | Chile | Iran |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 2,330,769 | 1,070,139 | 584,680 | 412,788 | 303,110 | 293,018 | 251,338 | 238,275 | 236,748 | 202,584 |
| Deaths | 121,983 | 50,058 | 8,111 | 13,290 | 42,589 | 28,322 | 7,861 | 34,610 | 4,295 | 9,507 |
| Recovered | 973,055 | 543,186 | 339,711 | 228,504 | N/A | N/A | 138,763 | 182,453 | 196,609 | 161,384 |

# Clusters record new cases

## DG: Three infected abroad while 13 cases were locally transmitted

By FATIMAH ZAINAL
fatimah@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Sixteen new Covid-19 cases have been detected, bringing the total number of infections in the country to 8,572 cases.

The death toll remains at 121 or 1.41% out of the overall number of cases.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said three of the new cases were imported cases involving two Malaysians and a permanent resident.

"The three were infected abroad.

"The remaining 13 cases were locally transmitted, involving nine foreigners and four Malaysians," he said.

Dr Noor Hisham said that among the foreigners, two were from the cleaning company cluster in Selangor and six were from Negri Sembilan's Pedas cluster.

He said another foreigner was a detainee at a temporary detention centre in Tawau, who was about to be deported to Indonesia but had tested positive for the virus.

As for the Malaysians, he said, two were in Sarawak from the Kidurong cluster, one was an accused person who had been placed in a lock-up in Melaka and one was a patient who tested positive while undergoing pre-surgery screening in Johor.

Dr Noor Hisham added that 10 patients had recovered yesterday, with a total of 8,156 patients discharged since the outbreak began, putting Malaysia's Covid-19 recovery rate at 95.1% out of the total number of positive cases.

"There are only 295 active cases being treated at the country's health facilities.

"Three patients are being treated at the intensive care units. None of them require ventilator support," he said.

# British YouTuber impressed by M'sia's Covid-19 measures

By MARTIN CARVALHO
mart3@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Well-known British presenter and YouTuber Mark O'Dea has praised Malaysia on how the country has handled the Covid-19 pandemic in a series of videos.

O'Dea, who has been in Malaysia since 2012, documented his experiences of returning to Malaysia recently from England via a Cathay Pacific flight from Hong Kong and his brief stay at a hotel while undergoing mandatory quarantine.

Among the measures he noticed were the social distancing regulations, temperature scanning and health safety procedures upon landing at Kuala Lumpur International Airport on June 10.

"When I arrived in London, we didn't have any of these.




"The authorities didn't check which country we came from and there were no thermal scanners.

"I suppose this is why Malaysia has such few cases because they are really taking good steps when it comes to health and safety," he said.

The 29-year-old said those flying into Malaysia were questioned about their health status and had to undergo a Covid-19 swab test before leaving the airport for mandatory quarantine in a hotel.

O'Dea, who was with the Malaysian-based boy band London Boys, also quipped that he saw "men in suits like in a crime scene" disinfecting the luggage before boarding the bus.

"It's really impressive how Malaysia is taking stringent measures to safeguard health and safety.

"The coolest thing is we even had a police escort," he said in the recording, which garnered some 300,000 views.

O'Dea, who had hosted several local shows here, also expressed how impressed he was with the hotel, which he had to stay there for two weeks.

"The word 'quarantine hotel' sounds like prison or something.

"But it's really not bad at all," he said of the hotel in Kepong.

The YouTuber, who is well-known for his videos on Malaysia, was required to join a WhatsApp group for alert notifications while his temperature was monitored daily during the quarantine period.

To keep himself occupied, O'Dea, who is a fitness enthusiast, set up a small workstation in his room and even did his daily workout using two water-filled 15kg dumbbells.

Although he had to pay RM150 for the hotel room, O'Dea said he did not mind as he enjoyed the meals and was also able to order additional food.

O'Dea, who has 105,000 YouTube subscribers, said he was glad when his swab test came back negative.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# CAPP way to protect community against Covid-19

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry has introduced the Prevent and Educate, Practice, Comply and Monitor (CAPP) concept to educate the public to be more responsible and become "frontliners" in protecting themselves, their families and the local community from Covid-19.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said CAPP is a strategy to empower the Covid-19 District Risk Reduction Programme, which is aimed at protecting green zones from Covid-19 and turning yellow zones into green ones in 14 days.

He said implementing CAPP would require the cooperation of various parties with the Health Ministry's "Komuniti Sihat Pembina Negara or KOSPEN" (Healthy Community Country Builder), as well as at the community level, involving village heads, Rela, village development and security committees and neighbourhood patrol schemes.

"They are the ones who will be the frontliners. When combined, they become a large community, which I believe can maintain their green zone status, while those in yellow or red zones could turn them into green zones."

It will also require mobilising existing resident committees as coordinators of preventive activities in the community. The MySejahtera application will also need to be widely used.

Foreign employers and embassies will need to ensure their citizens, especially those in red and yellow zones such as Kuala Lumpur and Selangor, undergo swab tests, he said.

Adham called for the cooperation of all Malaysians to help fight Covid-19 by complying with the prescribed standard operating procedures and observing the new normal, especially social distancing. – Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDER

# Sixteen new Covid cases detected

BY **ELLY FAZANIZA**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** Malaysia detected 16 new Covid-19 cases with no fatalities reported.

This brings the number of positive Covid-19 cases in the country to 8,572 with 295 still receiving treatment. Covid-19 related fatalities remained at 121

"Of these cases, three are imports who were infected abroad, involving two Malaysians and one non-citizen who is a permanent resident. Of the other 13 transmissions, nine cases involved non-Malaysians," Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said in a statement.

Of the nine cases involving non-Malaysians, six were from the Pedas cluster in Negri Sembilan, two were from close contacts with case 8,513 from a cleaning services company cluster in Selangor, and one case was from an individual at the Tawau Temporary Detention Centre in Sabah who underwent screening before being sent back to Indonesia.

As for the local transmissions involving four Malaysians, two of them were close contacts with case 8,535 from the Kidurong cluster in Sarawak, one who had just been sent to a lock-up in Malacca and one who underwent pre-surgery screening at a hospital in Johor.

"Currently, three Covid-19 cases are being treated in the intensive care unit but none are in need of ventilator support."

Noor Hisham reminded the public to get the latest and verified Covid-19 information only from reliable sources.

The public can visit the Covid-19 website at http://covid-19.moh.gov.my/, which has gone live since May 5. The website has about 60,000 users thus far and is ranked first in Google's search engine.

"Further information on Covid-19 in the country can also be obtained via the Health Crisis Preparedness and Response Centre of the Ministry of Health and its health education section website."